

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
[ JELEBU ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar dakwaan bahawa kelemahan urusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sehingga gagal berfungsi dengan licin dan sempurna seperti yang dirancang dan disusun bagi menangani bencana banjir yang berlaku baru-baru ini. Apakah langkah susulan untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) melalui Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012) dengan jelas telah menerangkan mengenai kaedah koordinasi gerak kerja khusus dalam pengurusan bencana di setiap peringkat pentadbiran. Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat Daerah, Negeri dan Pusat yang mana masing-masing dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas sepertimana yang terkandung di dalam Arahan MKN No. 20 pada peringkat sebelum berlaku bencana, tindakbalas semasa bencana serta pemulihan selepas bencana. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi di ketiga-tiga peringkat pentadbiran berkenaan termasuklah penglibatan Penghulu dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Dalam hal ini, MKN bertindak selaku urus setia kepada setiap jawatankuasa tersebut.

Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Banjir (PTO) telah dikeluarkan dengan tujuan untuk memberi garis panduan bertindak kepada jabatan atau agensi terlibat dalam menangani bencana secara lebih terselaras dan sebagai garis panduan ke arah meningkatkan lagi keberkesanan jabatan atau agensi yang terlibat dalam pengendalian bencana banjir agar dapat melaksanakan tugas masing-masing secara bersepadu, terselaras dan berkesan di masa hadapan.

Ekoran dari situasi bencana banjir yang ekstrem dan kesan perubahan cuaca yang berlaku pada beberapa tahun kebelakangan ini, YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan supaya PTO tersebut disemak semula dan ditambah baik dengan mengambil kira pengendalian banjir dalam situasi ekstrem. PTO tersebut telah dibentangkan kepada semua jabatan dan agensi untuk penelitian dan persetujuan. Kandungan PTO berkenaan juga telah dimaklumkan kepada semua jabatan dan agensi berkaitan di peringkat Negeri dan Daerah semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang dipengerusikan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 13 Oktober 2014.

Antara penambahbaikan yang telah digariskan oleh PTO tersebut adalah mengenai penyediaan Pelan Tindak Balas Bencana Tempatan di peringkat Daerah dan Negeri. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana perlu menyediakan rancangan kesiapsiagaan dan tindak balas yang bersesuaian supaya setiap jabatan dan agensi yang berkenaan boleh merancang tindakan-tindakan yang perlu diambil pada peringkat sebelum dan semasa bencana dengan lebih berkesan.

Umumnya, negeri-negeri yang terjejas akibat banjir telah diurus dengan baik oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Daerah dan Negeri. Terdapat jentera pengurusan bencana yang menerima pengiktirafan emas kerana mencapai tahap pengurusan banjir yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Timbalan Perdana Menteri telah memaklumkan semasa Mesyuarat Khas Pelan Tindakan Pasca

Banjir Bil. 2/2015 pada 27 Februari 2015 bahawa Kerajaan sedang meneliti model pengurusan bencana alam terbaik dari Filipina, Indonesia dan Jepun untuk diguna pakai di Malaysia. Kerajaan juga telah menyediakan RM893 juta dalam Bajet 2015 untuk pelaksanaan rancangan tebatan banjir di seluruh Negara.

Perlu ditegaskan bahawa sebarang bentuk pembangunan mestilah bersifat lestari dan mampan. Ia merangkumi pelaksanaan projek-projek pembangunan, perlombongan, pembukaan tanah dan pembalakan. Sesungguhnya, pembangunan yang tidak mementingkan kelestarian alam sekitar akan membawa mudarat kepada alam dan manusia.

Sekian. Terima kasih.